



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : BAHASA KEBANGSAAN A
KOD KURSUS : MPU2213/MPU2043
PEPERIKSAAN : APRIL 2019
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON


1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (30 Markah)
BAHAGIAN C (50 Markah)

2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



KEMENTERIAN PENDIDIKAN DAN KEBUDAYAAN
REPUBLIK INDONESIA

NAMA KURSUS : BAHASA KEBAHASAAN A
KOD KURSUS : MPUS21MIPUSM3
PERIODE : APRIL 2019
MASA : 3 JAWI

ARAHAN KEPADA CALON

BAHASIAN A (20 MARKAH)
BAHASIAN B (20 MARKAH)
BAHASIAN C (20 MARKAH)

Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan keizinan pegawai peperiksaan.

Calon tidak dibenarkan keluar bilik peperiksaan untuk sebarang tujuan.

- i. Ketua Peperiksaan
- ii. Ketua Jawatan Operasi
- iii. Bilik Peperiksaan

Arahan ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai rujukan untuk sebarang tujuan.

Arahan ini adalah untuk makluman sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai rujukan untuk sebarang tujuan.

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **dua puluh (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Yang berikut ialah penanda wacana **kecuali**

- A oleh itu.
- B selain itu.
- C manakala.
- D walau bagaimanapun.

Soalan 2 berdasarkan **Pernyataan 1** di bawah

Syurga dalam bahasa arab disebut "al-jannah" yang bermaksud sebuah taman yang indah, penuh dengan pelbagai nikmat dan keselesaan.

Pernyataan 1

2. Pernyataan1 di atas merujuk kepada laras bahasa

- A iklan.
- B agama.
- C sastera.
- D ekonomi.

3. Bahasa tidak formal memenuh iciri-ciri berikut **kecuali**

- A dituturkan oleh orang Melayu apabila bercakap dengan orang Melayu.
- B tidak menggunakan unsur singkatan seperti *ku, mu, kau, nak* dan lain-lain.
- C merupakan variasi bahasa yang digunakan dalam situasi-situasi yang tidak rasmi.
- D bahasa pasar yang digunakan oleh orang Melayu apabila bertutur dengan orang bukan Melayu.

4. Antara berikut merupakan laras bahasa **kecuali**

- A iklan.
- B cinta.
- C agama.
- D sastera.

5. Yang manakah **benar** tentang ciri-ciri bahasa ilmu?

- i. Kelainan bahasa.
- ii. Kepincangan bahasa.
- iii. Keintelektualan bahasa.
- iv. Kesempurnaan bahasa.

- A i dan ii
- B i dan iii
- C i dan iv
- D i dan iv

6. Retorik pendedahan bermaksud

- A berhujah untuk mempertahankan sesuatu idea yang dikemukakan.
- B mendedahkan dan menghuraikan secara terperinci dan jelas kepada pembaca supaya dapat mengetahui dan memahami sesuatu isu itu.
- C meliputi pelbagai genre penulisan seperti cerita pendek, pengkisahan, sejarah, autobiografi, penglipur lara, novel, drama, hikayat dan lain-lain.
- D penerangan yang memberi fokus kepada sesuatu peristiwa, tempat, dan suasana untuk memberi gambaran yang jelas dan tepat tentang sesuatu perkara.

7. Kesantunan berbahasa bermaksud

- A kata sapaan yang merujuk kepada protokol dalam upacara rasmi negara atau perhubungan antarabangsa.
- B kesopanan dan kehalusan dalam menggunakan bahasa ketika berkomunikasi sama ada melalui lisan atau tulisan.
- C alat pengisi fikiran dan alat untuk melahirkan pendapat dan fikiran itu merupakan alat perpaduan yang sebaik-baiknya.
- D panjang atau pendeknya ayat atau frasa yang digunakan juga mencerminkan sifat kasar atau halusna penggunaan bahasa yang dungkapkan.

8. Yang manakah merupakan retorik?

- i. Pemerian.
- ii. Penipuan.
- iii. Penyelesaian.
- iv. Penghujahan.

- A i dan ii
- B i dan iii
- C i dan iv
- D ii dan iv

9. "Ngapa kau tak pulang ke rumah sahaja?" Bahasa tak formal ini dapat diubah kepada bentuk formal seperti berikut.

- A "Kenapa kau tak pulang ke rumah sahaja?"
- B "Ngapa awak tak pulang kerumah sahaja?"
- C "Mengapakah kau tidak pulang ke rumah sahaja?"
- D "Mengapakah awak tidak pulang ke rumah sahaja?"

10. Anak-pinak, ulang-alik, remeh-temeh dan simpang-siur adalah antara contoh penggandaan berentak

- A bebas.
- B pengulangan vokal.
- C pengulangan konsonan.
- D pengulangan vokal dan konsonan.

11. Pilih golongan kata yang betul bagi perkataan Melayu, Iban, Proton dan Johor.

- A Kata nama am konkrit.
- B Kata nama am abstrak.
- C Kata nama khas hidup.
- D Kata nama khas tak hidup.

12. Bidang linguistik yang mengkaji pembinaan ayat dikenali sebagai
- A sintaksis.
 - B semantik.
 - C etimologi.
 - D morfologi.
13. Ayat yang manakah menggunakan kata sendi nama dengan betul?
- A Abang member hadiah itu pada Sarah.
 - B Perkara itu penting di kalangan pelajar.
 - C Polis harus bertindak bijaksana dalam perkara ini.
 - D Demi untuk mencapai kejayaan, mereka sanggup berkorban tenaga.
14. Antara yang berikut, manakah menunjukkan ayat majmuk pancangan relatif?
- A Demi anak-anaknya, dia sanggup bekerja lebih masa.
 - B Walaupun dia kaya tetapi dia tidak sombong dan bongkak.
 - C Wanita yang sedang menyapu sampah itu ialah kakak saya.
 - D Izreen tidak hadir ke pejabat selama tiga hari kerana dia sakit mata.
15. Kenal pasti ayat majmuk gabungan bertentangan.
- A Saya dan Shuib ke sekolah menaiki bas.
 - B Zulin menyidai kain sambil mendengar radio.
 - C Walaupun dia sakit, tetapi dia tetap hadir ke majlis itu.
 - D Fattah ingin melupakan peristiwa pahit itu tetapi ibunya tidak.
16. Pilih ayat yang salah penggunaan kata nafinya.
- A Sufi tidak menghadiri mesyuarat itu.
 - B Hadiah itu bukan untuk kekasih saya.
 - C Berita yang tersiar itu bukan benar.
 - D Dia bukan bodoh tetapi malas belajar.

17. Perkataan yang berikut ini boleh digandakan dengan penggandaan penuh serta penggandaan separa **kecuali**
- A bola.
 - B rama.
 - C mulut.
 - D layang.
18. Imbuhan yang digunakan di celahan kata dasar dikenali sebagai
- A apitan.
 - B sisipan.
 - C awalan.
 - D akhiran.
19. Yang manakah merupakan jenis ayat majmuk pancangan?
- i. Relatif.
 - ii. Komplemen.
 - iii. Kesesuaian.
 - iv. Keterangan.
- A i dan ii
 - B i dan iii
 - C i,ii dan iii
 - D i,ii dan iv
20. Ayat tunggal ialah
- A ayat yang digunakan untuk menanyakan sesuatu hal.
 - B ayat yang diucapkan dengan tujuan memberi perintah atau suruhan.
 - C ayat-ayat yang terbina daripada dua bahagian, iaitu subjek dan predikat.
 - D ayat yang menggunakan kata-kata larangan seperti *jangan*, *usah* atau *tak usah* sebelum kata kerja.

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **satu(1)** soalan karangan berpandu.

Tulis sebuah karangan berdasarkan jadual di bawah. Panjang karangan anda tidak lebih daripada 200 patah perkataan.

**FAKTOR-FAKTOR KURANGNYA MINAT MEMBACA DALAM KALANGAN
MASYARAKAT**

**Faktor
luaran**

- tiada galakan daripada ibu bapa
- mengabaikan kemahiran membaca
- kekurangan kemudahan prasarana
- kekurangan bahan bacaan

**Faktor
dalaman**

- masalah pendengaran atau pertuturan
- kurangnya motivasi diri

[30 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **dua (2)** soalan berbentuk esei.

Jawab **satu(1)** soalan sahaja. Panjang esei anda adalah tidak kurang daripada 300 patah perkataan. Tulis jawapan anda di dalam Kertas Jawapan.

- i. Kelab Pencinta Bahasa kolej anda telah membuat bancian terhadap pelajar-pelajar kolej anda berkaitan pencemaran bahasa dalam kalangan pelajar. Pada pendapat anda, apakah punca-punca masalah pencemaran bahasa dalam kalangan pelajar dan usaha-usaha untuk menanganinya. Tulis rencana anda selengkapnya.
- ii. Kelab Pembimbing Rakan Sebaya kolej anda ingin mengadakan Pameran Kerjaya. Sebagai setiausaha anda dikehendaki menyediakan sebuah kertas kerja bagi tujuan pameran itu. Kertas kerja anda hendaklah mengandungi tujuan pameran diadakan, objektif pameran, kumpulan sasaran, tempoh pelaksanaan, anjuran, jawatankuasa program, aturcara program, implikasi kewangan dan penutup. Sediakan kertas kerja tersebut selengkapnya.

[50 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

